

Mengapa?

Muhammad Rasydan bin Rosnib

Kayut seorang pelajar sekolah menengah. Dia merupakan salah seorang pelajar yang dikenali di sekolahnya. Hal ini kerana dia merupakan seorang pelajar yang mempunyai pelbagai bakat dalam semua bidang. Namun, disebalik kejayaannya itu, tiada siapa pun yang mengetahui akan masalahnya yang tersendiri. Kayut mempunyai masalah dengan ibu bapanya.

Kayut sentiasa tidak bersefahaman dengan ibu bapanya. Semua perkara yang ibu bapanya arahkan, Kayut membangkangnya. Sebenarnya, dia sendiri pun tidak mahu untuk melakukan begitu. Namun, dia tidak dapat mengawal dirinya.

Di sekolah, Kayut tidak pernah pun menceritakan masalahnya itu kepada rakan-rakannya. Dia berpendirian untuk tidak melibatkan orang lain dalam masalahnya itu sendiri. Walaupun tindakannya itu kurang bagus, tetapi dia tetap angkuh.

Pada suatu hari, ibu bapanya mengajak Kayut untuk pergi melancong bersama-sama bagi menghabiskan cuti akhir tahunnya. Seperti biasa, Kayut akan cuba untuk mencari alasan supaya dia dapat mengelakkan diri untuk melancong bersama keluarganya. Akhirnya, dia memberi alasan bahawa dia akan menghadiri kelas tambahan ketika cuti itu. Ibu bapanya terpaksa menerima dan mempercayai kata-kara

Kayut itu dengan hati yang berat. Kayut menyedari bahawa dia telah menipu orang tuanya sekali lagi.

Akhirnya, masanya sudah tiba untuk ibu bapa Kayut meninggalkannya untuk melancong ke Pulau Langkawi. Kayut tinggal seorang diri di rumahnya ketika itu.

Dia sering menghabiskan masanya bersama-sama rakan-rakannya dengan melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral dan tidak berfaedah. Dia melepak di pusat membeli-belah dari pagi hingga waktu malam sehingga lupa untuk menunaikan sembahyang. Pada hari berikutnya, ketika dia sedang bermain snuker telefon bimbitnya berdering.

“Ring.. ring... ring...”

Apabila dilihatnya pada skrin telefon bimbitnya, terpapar nama ibunya. Dengan sengaja, Kayut tidak menjawab panggilan ibunya itu. Sebaliknya dia meneruskan bermain snuker dengan gembiranya bersama rakan-rakannya. Kayut tidak mengendahkan langsung panggilan ibunya itu.

Sudah tujuh hari berlalu, ibu bapanya masih tidak pulang lagi. Entah kenapa, muncul satu perasaan yang pelik dalam dirinya terhadap ibu bapanya. Rindu. Ya, Kayut rindu akan ibu bapanya itu. Kayut mula merindui ibu bapanya itu. Dia terkenang kembali perbuatan-perbuatannya yang dulu. Lamunannya terhenti apabila telefon rumahnya berdering. Apabila dia menjawab panggilan itu, tiba-tiba Kayut menangis. Kayut menangis kerana panggilan itu adalah daripada pihak polis yang

menyatakan bahawa ibu bapanya telah maut dalam kemalangan ketika pulang dari Pulau Langkawi.

Sejak kejadian itu, hidup Kayut terus berubah dengan mendadak. Kayut menjadi seorang yang pendiam. Dia amat menyesali perbuatannya dahulu.